

BERKUATKUASA MULAI 1 JUN 2012 SEHINGGA 31 DISEMBER 2012

PAKEJ INSENTIF



**DAFTAR &
PERBAHARUI
PENDAFTARAN PERNIAGAAN
ANDA DENGAN HANYA**

**RM50
UNTUK TEMPOH
5 TAHUN**

**50%
PENGURANGAN
KOMPAUN
LEWAT MENDAFTAR
& MEMPERBAHARUI
PENDAFTARAN PERNIAGAAN**

**SSM BERSAMA RAKYAT
DI BERA, PAHANG
“WALKABOUT”
DI PETALING STREET**

**PERSIDANGAN
KEBANGSAAN
SSM KE 12, 2012**



NOTA PENGARANG

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan
Salam 1 Malaysia,

Masih segar dalam ingatan saya, sewaktu kecil-kecil dahulu di kampung, ayahanda tercinta selalu membawa saya dan adik-beradik pergi ke sebuah pasar yang dikenali sebagai *casual market*, terletak di Pekan Taiping ketika itu. Tujuan kami ke sana tidak lain tidak bukan adalah ingin mengunjungi sebuah gerai menjual ais kacang. Rasanya sungguh sedap sehingga ramai yang sanggup beratur panjang demi semanguk ais kacang.

Lain pula situasinya di Kampung Baru, Kuala Lumpur, di mana orang ramai sanggup beratur panjang untuk membeli nasi lemak di sana yang dijual di gerai biasa yang beroperasi dari petang sehingga lewat malam.

Begitulah penangan produk yang dijual oleh golongan penjaja dan peniaga kecil-kecilan ini sehingga ia menjadi kegiatan ramai. Walaupun mereka menjalankan perniagaan di lokasi biasa seperti di tepi jalan, ataupun hanya menumpang di gerai kecil di restoran orang lain, tetapi perniagaan sebeginilah yang telah menyumbang kepada kepesatan ekonomi negara.

Sehubungan itu, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia telah menyarankan agar golongan berkenaan terus dibantu. Salah satu inisiatif yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini bagi membantu golongan tersebut ialah dengan memperkenalkan pakej insentif pendaftaran dan pembaharuan perniagaan melalui SSM. Sila ikuti laporan berhubung pakej insentif dalam buletin ini.

Selamat membaca!

Zahrah Abd. Wahab Fenner

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perkhidmatan)



SIDANG REDAKSI BULETIN

PENAUNG
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF SSM
Tuan Mohd Naim Daruwish
mnaim@ssm.com.my

KETUA PENGARANG
TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
Zahrah Abd. Wahab Fenner
zahrah@ssm.com.my

PENGARANG / PENYELARAS PENERBITAN
Shahren Yusri
shahren@ssm.com.my

PENGARANG
Suzana Mohd Razoli
suzana@ssm.com.my

KETUA EDITOR
Wan Zarazillah Wan Abu Bakar
wanzarazillah@ssm.com.my

PENOLONG KETUA EDITOR
Mohammad Arif Nizam Abdullah
arifnizam@ssm.com.my

PENULIS / PENYUMBANG BAHAN
Shahren Yusri
Mohammad Arif Nizam Abdullah
Norhaslinda Salleh
Azleen Azmee
Khairon Niza Md Akhir

JURUGAMBAR
Ahli Kelab Fotografi SSM
Mohd Haini Esuandi Zainoren

PENGUMPUL MAKLUMAT
Zubaidah Yusof
Mohd Rafique Kosnin
Muhammad Ilham Ibrahim
Nurulhazirah Md Idros
Siyamala a/p Muniandy

PENGEDARAN
Hairul Adhar Ramli
Mohd Haini Esuandi Zainoren



KANDUNGAN

Pakej RM50 SSM	04
Malam Media SSM	06
Syarikat "Dorman"	07
Majlis Ramah Mesra Warga Penjaja	08
Penerimaan Anugerah	11
Kerjaya @ SSM	15
SSM Bersama Rakyat Bera <i>Walkabout Petaling Street</i>	16
Persidangan Nasional SSM 2012	18
Taklimat Arkib Negara	20
Taklimat ISO 9001	23
Peristiwa Bergambar	24
Berita Negeri	26
	34

PAKEJ INSENTIF PENDAFTARAN & PEMBAHARUAN PENDAFTARAN PERNIAGAAN **SSM 2012**

Berikut pengumuman YAB Perdana Menteri pada 27 Mei 2012 berkaitan pakej insentif pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran perniagaan kepada peniaga kecil dan penjaja, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) ingin memaklumkan pelaksanaan pakej tersebut yang melibatkan:

- pengurangan fi bagi pendaftaran perniagaan baru;
- pembaharuan pendaftaran perniagaan; dan
- diskaun kompaun yang dikenakan bagi pendaftaran baru yang lewat dan pembaharuan pendaftaran lewat yang dikeluarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (APP 1956).

Pakej ini dikenali sebagai;

Pakej Insentif Pendaftaran dan Pembaharuan Pendaftaran Perniagaan SSM 2012.

OBJEKTIF PENGENALAN PAKEJ INSENTIF

Pakej ini diharap dapat menyumbang ke arah pengurangan kos pendaftaran yang di hadapi oleh komuniti peniaga kecil dan golongan penjaja. Pelaksanaan pakej seperti yang dinyatakan adalah berdasarkan objektif-objektif berikut:

- mengurangkan bebanan kewangan dan menggalakkan para penjaja dan peniaga kecil berdaftar dengan pihak SSM bagi memenuhi keperluan APP 1956, dan membolehkan peniaga-peniaga ini menjalankan perniagaan mereka secara formal dan sah menurut undang-undang;

- menimbulkan kesedaran kepada para peniaga kecil dan penjaja tentang kepentingan pendaftaran perniagaan, kerana dengan cara ini kewujudan dan bilangan perniagaan dapat diketahui. Melalui pendaftaran, data dan statistik yang lebih lengkap dapat diwujudkan, dan ini akan dapat membantu pihak kerajaan merangka polisi yang bersesuaian bagi golongan ini, terutamanya berkaitan hal-ehwal pembangunan, kebijakan dan insentif bagi peniaga kecil dan penjaja;
- para peniaga kecil dan penjaja akan mendapat faedah diiktiraf sebagai suatu 'entiti perniagaan' yang berdaftar di bawah APP 1956 dan seterusnya memperoleh faedah sampingan daripada pendaftaran perniagaan tersebut untuk memohon dana dan pinjaman dari pihak bank dan institusi kewangan. Selain itu, pelbagai kemudahan insentif pembangunan lain yang disediakan oleh kerajaan boleh disalurkan untuk golongan peniaga kecil dan penjaja yang kini dapat dikenalpasti melalui entiti yang berdaftar; dan
- memenuhi aspirasi kerajaan dengan menggalakkan perniagaan kecil dan sederhana di Malaysia bagi pembangunan ekonomi selaras dengan matlamat Rancangan Malaysia ke10.

PENJELASAN BERKAITAN PAKEJ INSENTIF PENDAFTARAN DAN PEMBAHARUAN PENDAFTARAN PERNIAGAAN

Pakej insentif bagi pengurangan fi pendaftaran baru dan pembaharuan pendaftaran perniagaan dan diskaun kepada kompaun yang belum dibayar atau tertunggak yang dikeluarkan di bawah APP 1956 adalah seperti berikut:

- bayaran fi pendaftaran dan pembaharuan tahunan pendaftaran untuk pemilik tunggal dan perkongsian dikenakan bayaran RM50 untuk tempoh pendaftaran

selama 5 tahun secara sekali gus (berbanding dengan jumlah fi RM150 atau RM300 yang dikenakan sekarang); dan

- bayaran kompaun semua bagi pendaftaran lewat dan pembaharuan pendaftaran lewat dikurangkan sebanyak 50%.
- pelaksanaan pakej ini berkuat kuasa bagi tempoh 1 Jun 2012 sehingga 31 Disember 2012.

[Pakej insentif ini **TIDAK** termasuk bayaran RM10 yang dikenakan bagi maklumat perniagaan yang dibekalkan selepas proses pendaftaran perniagaan selesai.]

Pakej insentif ini akan memberi faedah kepada seramai 1.2 juta pemilik perniagaan, peniaga kecil dan penjaja. Atas sebab-sebab teknikal, bagi menikmati pakej insentif ini, pemohon hanya boleh melakukan urusan pendaftaran perniagaan dan pembaharuan pendaftaran dan pembayaran kompaun di mana-mana kaunter SSM di seluruh negara. Manakala kemudahan perkhidmatan SSM melalui kaunter-kaunter BSN dan e-lodgement tidak mengendalikan pendaftaran pakej insentif ini buat sementara waktu, sehingga diberitahu kelak.

Sekiranya ada pihak ingin mendapat keterangan lanjut, sila hubungi SSM di talian 03-2299 5500 atau layari www.ssm.com.my

The collage includes several newspaper snippets:

- New Straits Times (28.05.2012):** Headline: "Khabar gembira perniaga kecil". Sub-headline: "Najib umumkan pembaharuan lesen RM50 bagi tempoh 5 tahun".
- Harian Metro (28.05.2012):** Headline: "Lesen niaga hanya RM50". Sub-headline: "Berita baik untuk penjaja".
- The Star (28.05.2012):** Headline: "Lower rates for traders". Sub-headline: "Registration fee reduced to RM50 for five years, says Najib".
- Malaysian Insider (28.05.2012):** Headline: "ISININ 28.05.12 07 REJAB 1433 Yuran penji...

Each clipping includes a photograph of Prime Minister Najib Razak interacting with hawkers at a street market.

拟
相
在
收
集
资
料
及
安
全
费
5 年 50 令吉

降低小贩注册及执照费

Malam Media SSM Meriah

Majlis Malam Media Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang diadakan di Hotel Le Meridien, Kuala Lumpur pada 6 Jun 2012 ternyata berlangsung meriah dengan pelbagai acara dan persembahan nyanyian.

Kemeriahannya jelas terasa pada malam itu apabila kebanyakan wartawan begitu '*sporting*' dan selamba memakai pakaian yang memenuhi tema yang ditetapkan iaitu denim.

Lebih menarik, Majlis Malam Media SSM itu diserbu lebih 400 warga media gara-gara ingin berkumpul dan bermesra antara satu sama lain walaupun datang daripada organisasi media berlainan selain bertambah riuh bersorak ketika pertandingan karoake diadakan. Apa pun, majlis yang diacarakan oleh pelawak era 90an iaitu Isma Alif dan Accapan dilihat berjaya memenuhi objektif asal bagi mengeratkan hubungan silaturrahim antara SSM dengan warga media di negara ini.

Justeru dalam usaha menghargai peranan dan sumbangan media, sebanyak 25 syarikat media cetak dan massa dijemput naik ke atas pentas untuk menerima sijil penghargaan dan plak daripada YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakop, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

Hadir sama pada majlis yang dihiburkan oleh penyanyi terkenal Adira ialah Ketua Pegawai Eksekutif SSM, Mohd Naim Daruwish bersama barisan pengurusan atasan SSM.

Apa yang jelas, penganjuran Majlis Malam Media SSM ini menjadi satu platform untuk memperkenalkan staf SSM terutama pengurusan atasan dengan ketua-ketua editor media cetak dan massa di negara ini.



Secara tidak langsung, majlis ini dapat merapatkan hubungan silaturahim antara SSM bersama pihak media yang selama ini memberi sokongan dengan menghebahkan aktiviti dan kejayaan yang diraih SSM sepanjang tahun.

Malah tidak keterlaluan mengatakan penganjuran majlis malam media ini dapat meningkatkan penjenamaan nama SSM sekali gus memberi imej positif kepada golongan media sebagai sebuah badan korporat yang prihatin dan bertanggungjawab.

Akhir kata, sidang redaksi Buletin mengucapkan tahniah kepada semua yang menjayakan majlis tersebut terutamanya pihak ahli jawatankuasa yang bertungkus-lumus memastikan perjalanan majlis agar berjalan lancar.

SYARIKAT “DORMAN”

BERPELUANG MOHON PEMBATALAN NAMA SYARIKAT DALAM TEMPOH MORATORIUM

KUALA LUMPUR 17 Julai - Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) hari ini mengumumkan pengenalan tempoh moratorium bagi permohonan pembatalan nama syarikat yang bertujuan menggalakkan syarikat ‘dorman’ iaitu yang tidak lagi menjalankan perniagaan memohon untuk membatalkan nama syarikat daripada daftar SSM. Tempoh moratorium ini telahpun bermula sejak 1 Julai 2012 dan akan berakhir pada 31 Disember 2012.

Sesebuah syarikat ‘dorman’ masih mempunyai kewajipan untuk memenuhi keperluan pematuhan di bawah Akta Syarikat 1965 seperti menyerahsimpan penyata tahunan dan penyata akaun teraudit kepada SSM.

Memandangkan syarikat ‘dorman’ masih perlu menanggung beban kos pematuhan bagi menyelenggarakan sesebuah syarikat, syarikat sebegini digalakkan mengambil peluang memohon untuk membatalkan nama syarikat mereka semasa tempoh moratorium ini. Pengenalan tempoh moratorium ini adalah untuk memberi peluang kepada pengarah dan pemegang saham untuk membatalkan pendaftaran syarikat mereka yang tidak lagi menjalankan perniagaan dan tidak produktif dengan cara yang lebih mudah.

Salah satu insentif yang ditawarkan semasa tempoh moratorium ini ialah pengurangan kompaun atau penalti tertunggak bagi syarikat ‘dorman’ dan pengarah mereka. Dalam tempoh ini, syarikat yang mempunyai kompaun tertunggak hanya perlu membayar kompaun pada kadar tetap yang

berjumlah RM200.00. Bagi pengarah syarikat yang mempunyai kompaun tertunggak, mereka hanya perlu membayar kompaun pada kadar tetap berjumlah RM200.00 bagi setiap kesalahan yang telah dilakukan.

Seiring dengan pengumuman ini, SSM juga mengeluarkan satu garis panduan Permohonan Pembatalan Nama Syarikat dalam Tempoh Moratorium bagi membantu pemohon membuat permohonan tersebut. Di antara syarat-syarat permohonan yang mesti dipatuhi ialah:

- Syarikat yang memohon mestilah tidak mempunyai aset dan liabiliti.
- Syarikat yang memohon mestilah tidak beroperasi atau telah berhenti berniaga.
- Syarikat yang memohon perlu mematuhi syarat-syarat lain dalam garis panduan di atas termasuk Senarai Semak layak untuk memohon pembatalan nama syarikat.

Memandangkan syarat-syarat permohonan telah dilonggarkan dan proses permohonan telah dipermudahkan, SSM menyeru para pengarah dan pemegang saham syarikat dorman yang memenuhi syarat-syarat pembatalan nama supaya mengambil peluang ini dengan membuat permohonan di mana-mana pejabat SSM di seluruh Negara dengan membayar fi yang ditetapkan sebanyak RM120. Borang permohonan boleh didapati dari laman sesawang SSM.

MAJLIS RAMAH MESRA

WARGA PENJAJA & PENIAGA KECIL



4 Ogos 2012, Bera - Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) menganjurkan Majlis Ramah Mesra Bersama Warga Penjaja Dan Peniaga Kecil Serta Masyarakat Setempat bertempat di Tapak Ekspo Majlis Daerah Bera (Bazaar Ramadhan), Pahang di sini hari ini.

Majlis yang berlangsung selama dua jam setengah bermula 4.00 petang itu telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

Melalui program tersebut, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob berpeluang beramah mesra dengan golongan penjaja dan peniaga kecil untuk menyelami serta memahami masalah yang dihadapi oleh golongan berkenaan di situ.

Ini adalah merupakan lokasi pertama di Pahang (kawasan Parlimen beliau), Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob turun padang bagi melihat sendiri keadaan di situ dan menyelami masalah yang dihadapi oleh golongan penjaja dan peniaga kecil berkenaan, sejajar dengan pengumuman YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 27 Mei 2012 di Majlis Ramah Mesra Bersama Penjaja dan Peniaga Kecil, yang meletakkan hal ehwal golongan penjaja dan peniaga kecil di bawah bidangkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDKK). Perkara ini secara tidak langsung melibatkan SSM, yang merupakan agensi di bawah KPDKK yang bertanggungjawab ke atas urusan pendaftaran perniagaan dengan menganjurkan program sebegini.



SSM turut menyediakan perkhidmatan Kaunter Bergerak Pendaftaran Perniagaan (KBPP) pada hari ini bagi memudahkan golongan penjaja dan peniaga kecil atau pengunjung lain yang datang untuk mendaftar perniagaan atau memperbaharui perniagaan mereka selain mengadakan aktiviti pameran bagi tujuan memberi informasi berkaitan produk dan perkhidmatan terbaru SSM.

Selain sesi ramah mesra, SSM turut memberi sumbangan berbentuk kupon juadah berbuka kepada fakir miskin, warga penjaja dan peniaga kecil dan masyarakat setempat sempena sambutan bulan Ramadhan serta selari dengan objektif pelaksanaan Tanggungjawab Korporat SSM yang ingin membantu golongan yang susah.

SSM secara berterusan akan mengatur lebih banyak pertemuan dengan golongan penjaja dan peniaga kecil pada masa akan datang bagi membincangkan isu-isu dan program – program pembangunan untuk golongan berkenaan yang merupakan antara penyumbang utama terhadap kepesatan ekonomi negara.





MyCoID

SSM
SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA



Identiti Korporat

Perkongsian Pintar Bersama
Pelbagai Agensi Kerajaan

Rakyat Didahulukan
Pencapaian Diutamakan

MyCoID adalah nombor syarikat yang dikeluarkan oleh SSM dan digunakan untuk berurusan di semua agensi berkaitan.

Dengan Kerjasama:



Penerimaan Anugerah

Audit Pengurusan Kewangan

3 Oktober 2012



PENGENALAN PEKERJA BARU

(Kemasukan dari bulan Mei 2012 - Ogos 2012)



MAHAMAD NASER BIN DISA
PENGARAH KANAN
PENGUATKUASA

Kelulusan : Sarjana M.C.L, Sarjana LL.M
(Pertadbiran Undang-undang Islam) dan
Sarjana Muda LL.B (Hons.)
Universiti Islam Antarabangsa

Pengalaman tugas :

Tuan Haji Mahamad Naser Disa yang berusia 48 tahun adalah lulusan Sarjana M.C.L, Sarjana LL.M (Pertadbiran Undang-undang Islam) dan Sarjana Muda LL.B (Hons.) dari Universiti Islam Antarabangsa.

Beliau memulakan kerjayanya sebagai penolong pensyarah di Kuliah Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia sebelum berkhidmat dalam bidang kehakiman dan perundangan sebagai Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada tahun 1989. Pada tahun 1990, beliau memegang jawatan sebagai Majistret Kuala Lumpur sebelum dilantik sebagai Pegawai Siasatan di Kementerian Dalam Negeri dari tahun 1992 sehingga 1998. Beliau seterusnya berkhidmat sebagai Peguam Kanan Persekutuan di Jabatan Peguam Negara pada Jun 1998 dan pada Oktober 2004, Tuan Haji Mahamad Naser telah ditempatkan di Seksyen Syariah sebagai Ketua Unit sebelum dilantik sebagai Timbalan Ketua Bahagian Penasihat (Syariah) di Jabatan Peguam Negara pada tahun 2009 sehingga Jun 2012.

Beliau yang berpengalaman lebih 20 tahun dalam bidang perundangan telah mengendalikan banyak kes berkaitan tindakan sivil terhadap Kerajaan termasuk semakan kehakiman di Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan sejak dari tahun 1998 hingga 2004. Bukan itu sahaja, malah beliau banyak terlibat dalam mengendalikan kes berkaitan isu-isu Islam dan bidangkuasa Mahkamah Syariah sejak 2005. Pada masa yang sama, beliau juga aktif dalam mengendali dan menyertai bengkel pengubahan undang-undang, peraturan-peraturan berkaitan pentadbiran hal ehwal Islam dan Syariah.

Di samping itu, Tuan Haji Mahamad Naser pernah menjadi Ahli Jawatankuasa Peguam Syarie Wilayah Persekutuan, Majlis Agama Wilayah Persekutuan sebagai Badan Pengawal Peguam Syarie. Beliau juga pernah menjadi Ahli Jawatankuasa Teknikal Syarak/Sivil, Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam.

Beliau telah dilantik sebagai Pengarah Kanan Penguatkuasaan Suruhanjaya Syarikat Malaysia untuk tempoh dua (2) tahun berkuatkuasa mulai 25 Jun 2012.



NUR IZZAINI BINTI ISHAK
PENGARAH BAHAGIAN
PERKHIDMATAN PERUNDANGAN

Kelulusan : LLB(Hon)
Universiti Malaya 1996

Pengalaman tugas :

Mei 1996 – April 1997
Peguam Persekutuan secara sangkutan di Unit Timbangtara, Bahagian Guaman, Jabatan Peguam Negara (Lantikan secara sangkutan kerana memegang biasiswa Persekutuan).

Mei 1997 – April 2001
Dilantik secara tetap dan diwartakan sebagai Timbalan Pendakwa Raya pada Mei 1997 dan ditempatkan di Pejabat Penasihat Undang-Undang Selangor. Antara tugas utama adalah menghadiri Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Tinggi bagi mengendalikan kes-kes jenayah seperti kes rompak, rogol, senjata api, bunuh, pengedaran dadah dan sebagainya.

Mei 2001 – Julai 2010
Timbalan Pendakwa Raya di Unit Jenayah Am dan Seksual, Bahagian Pendakwaan, Jabatan Peguam Negara, Putrajaya. Antara tugas utama adalah meneliti Kertas-Kertas Siasatan yang dirujuk oleh agensi penguatkuasa/Unit Pendakwaan Negeri dan membuat keputusan samada siasatan kes berkenaan telah lengkap dan bukti mencukupi untuk membawa kes ke tersebut ke mahkamah. Menghadiri Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Tinggi untuk menjalankan pendakwaan. Memberi nasihat perundangan kepada agensi penguatkuasa. Menyediakan maklum balas bagi soalan-soalan sesi Parlimen/Mesyuarat Jemaah Menteri/MKN dan sebagainya. Menyelia pegawai-pegawai Unit Jenayah Am dan Seksual dalam ketiadaan ketua Unit.

Ogos 2010 – Oktober 2012
Timbalan Pendakwa Raya di Unit Pendakwaan, Bahagian Pendakwaan Cawangan Kuala Lumpur (secara pinjaman). Menjalankan pendakwaan kes-kes jenayah di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

November 2010 – 15 Jun 2012
Timbalan Pendakwa Raya di Unit Jenayah Am dan Seksual, Bahagian Pendakwaan, Jabatan Peguam Negara, Putrajaya. Tugas seperti di para 3.

16 Jun 2012 – kini
Pengarah Bahagian Perkhidmatan Perundungan SSM/
Timbalan Pendakwa Raya

PENGENALAN PEKERJA BARU

(Kemasukan dari bulan 18 September 2012)



GUNASEGAR A/L PALANIVELU
PEGAWAI KHAS
GRED 50
PEJABAT MENTERI

SHAHADAN BIN MOHD NOR
PEMBANTU TADBIR
GRED 47
BAHAGIAN SUMBER KORPORAT



NURUL AIN BINTI BAKRY
PEMBANTU TADBIR
GRED 47
BAHAGIAN SUMBER KORPORAT

NURUL MAISARAH BINTI MOHD ARSHAD
PEMBANTU TADBIR
GRED 47
BAHAGIAN PEMBANGUNAN
PERNIAGAAN & PEMASARAN



MUHAMMAD ABDUL MUJIB BIN YAHYA
PEMBANTU TADBIR
GRED 47
SSM NEGERI PULAU PINANG

MUHAMMAD ASHRAF BIN ATAN
PEMBANTU TADBIR
GRED 47
SSM NEGERI SEMBILAN



PUTRI NOOR SA'ADAH BINTI SYAHRUL AKBAR
PEMBANTU TADBIR
GRED 47
BAHAGIAN PERKHIDMATAN PENDAFTARAN

HAIRUZAMAN BIN SANGIT
PEMBANTU TADBIR
GRED 47
SSM NEGERI TERENGGANU



ZULHILMI BIN SHAMSUDDIN
PEMBANTU TADBIR
GRED 47
SSM NEGERI PULAU PINANG

PESARAAN PEKERJA SSM

(Persaraan dari bulan Mei 2012 - Ogos 2012)



OTHMAN MANAN
PEMBANTU TADBIR GRED 48
SSM IBU PEJABAT
BERSARA WAJIB PADA
6 JANUARI 2012



SAEMAH BT SHAHIDIN
PEMBANTU TADBIR GRED 48
SSM PERAK
BERSARA WAJIB PADA
4 OKTOBER 2012



AZMI ZAKARIA
PEMBANTU TADBIR GRED 48
SSM PAHANG
BERSARA PILIHAN PADA
2 MAC 2012



SAKDIAH BINTI ABDUL GHANI
SETIAUSAHA GRED 49
SSM IBU PEJABAT
BERSARA WAJIB PADA
25 OKTOBER 2012



ANUAR SHAMAD
EKSEKUTIF GRED 53
SSM SARAWAK
BERSARA PILIHAN PADA
14 APRIL 2012



ETON BINTI MAHFOZ
PEMBANTU TADBIR GRED 47
SSM IBU PEJABAT
BERSARA PILIHAN PADA
8 NOVEMBER 2012



NOOR AINI BT NOORDIN
GRED 48
PEMBANTU TADBIR
SSM NEGERI SEMBILAN



FAUZIAH BINTI MOHD ALI
PEMBANTU TADBIR GRED 47
SSM MELAKA
BERSARA WAJIB PADA
11 DISEMBER 2012



CHE MOD NASIR B CHE MAHMOOD
GRED 48
PEMBANTU TADBIR
SSM TERENGGANU

WAN MAZNAH BINTI WAN AHMAD
PEMBANTU TADBIR GRED 48
SSM KELANTAN
BERSARA WAJIB PADA
31 DISEMBER 2012



ASMAH BT MOHD SIDIK
GRED 48
PEMBANTU TADBIR
SSM PAHANG



CC JANGAN CEPAT PANIK

Tidak kira sama ada dipanggil Ketua Kerani atau Penyelia, panggilan yang paling glamour sudah tentulah CC (*Chief Clerk*). Namun hakikatnya, menjawat jawatan CC bukan satu tugas mudah kerana memikul tanggungjawab besar di bahu untuk menguruskan hal-hal pentadbiran di sesebuah Seksyen atau Bahagian di Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Bagi CC Mazlin binti Abdul Majid, dia mengamalkan prinsip kerja tidak mudah panik untuk melaksanakan tugas-tugasnya yang sering muncul dengan mendadak secara tiba-tiba.

Jelas anak kelahiran Merlimau, Melaka ini, seseorang CC itu mestilah sentiasa relaks dan cool selain bijak mencari satu kaedah agar dapat menyelesaikan semua tugas secara teratur.

“Jangan sesekali mengeluh kata banyaknya kerja hendak buat. Mana satu nak mula ni. Kalau fikir macam tu, memang kita akan sentiasa panik,” katanya ramah tetapi serius.

Mazlin memulakan kerjaya di Pusat Pendaftar Syarikat (ROC) sebagai Pembantu Tadbir pada tahun 1996. Berkat kesabaran dan cara kerja yang komited, beliau kini menjawat jawatan CC di Seksyen Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Sumber Korporat sejak tahun 2006.

Bercerita lanjut, wanita berusia 37 tahun ini memberitahu, selain perlu menyelia kakitangan bukan pegawai, dia mengakui berdepan tugas rumit menguruskan proses persaraan kakitangan ROC dan ROB dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Ini kerana jelasnya, dia bukan sahaja menguruskan proses persaraan bagi tahun semasa sahaja namun melibatkan tempoh persaraan untuk tempoh dua tahun akan datang.

“Maknanya walaupun saya menguruskan proses persaraan kakitangan pada tahun 2012, pada masa sama saya masih perlu menguruskan proses yang sama untuk tahun 2013 dan 2014.

“Itu menjadikan kerja saya sebagai CC agak rumit namun saya perlu bijak menyelesaikan kerja-kerja pentadbiran ini secara sistematis. Ini kerana saya juga masih perlu membuat laporan kehadiran semua kakitangan melibatkan tiga Seksyen di BSK.

“Selain itu, tugas CC juga melibatkan kerja merekod borang cuti dan pada masa sama akan memangku tugas PA kepada Pengarah Bahagian apabila bercuti,” katanya penuh ceria, sekaligus mencerminkan dia begitu seronok dengan kerja-kerja yang dilakukan di SSM.



Kepada kakitangan baru di SSM, Mazlin sempat menitip nasihat untuk dikongsi bersama. Katanya, untuk menjadi kakitangan yang cemerlang, disiplin kerja perlu menjadi nombor satu dan diutamakan.

Ujarnya, apa kerja yang diberikan, laksanakanlah dengan bersungguh-sungguh dan serius. Jangan sesekali bertangguh kerja dan suka berSMS di pejabat.

“Selain itu, jangan selalu lewat datang ke tempat kerja kecuali terpaksa berdepan dengan perkara yang tidak dapat dielakkan. Paling penting, hubungan mesra di kalangan kakitangan perlu sentiasa wujud agar kita berasa gembira untuk datang ke tempat kerja setiap hari,” katanya menutup perbualan.



Program SSM Bersama Rakyat Bera, Pahang



16 Jun 2012 - Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah menganjurkan Program SSM Bersama Rakyat bertempat di Sekolah Kebangsaan Kampung Batu Papan, Bera Pahang. Majlis perasmianya telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

Dalam kenyataannya kepada media, beliau berkata, "Mungkin ramai yang tidak mengetahui akan maklumat tentang kepentingan dan kebaikan mendaftarkan perniagaan dengan SSM ini. Atas hakikat itulah SSM telah bertindak proaktif untuk turun padang menganjurkan program sebegini bagi memberi pendidikan kepada orang ramai tentang betapa pentingnya mendaftarkan perniagaan dan memperbadankan syarikat". SSM turut menyediakan kaunter perkhidmatan bergerak bagi sesiapa yang mahu membuat pendaftaran perniagaan atau memperbaharui lesen perniagaan mereka secara terus (*on the spot*).

Katanya lagi "Program sebegini akan diteruskan pada masa hadapan bagi memberi peluang dan ruang kepada masyarakat awam mendalami dunia keusahawanan".

Aktiviti-aktiviti persiapan program ini telah diadakan berkonseptan mesra rakyat secara gotong royong termasuklah memasak beramai-ramai ala kenduri kampung.

Para pengunjung program ini telah diberi taklimat berhubung pemerbadanan syarikat, pendaftaran perniagaan dan skim kepentingan oleh SSM dan diikuti dengan sesi taklimat oleh Perbadanan Nasional Berhad (PNS) dan Maktab Koperasi Malaysia (MKM).

KPDNKK dan agensi-agensinya seperti Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Bank Kerjasama Rakyat (Bank Rakyat), PNS, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), MKM dan juga MARA, Celcom serta Pejabat Kesihatan Bera turut terlibat dalam pameran yang diadakan serta menyediakan pemeriksaan kesihatan kepada pengunjung yang hadir.

Selain itu, pelbagai aktiviti sukan rakyat bersama penduduk setempat serta sukaneka bersama kanak-kanak tabika telah diadakan sepanjang hari program ini dijalankan. Pengunjung turut dihidangkan dengan persembahan artis jemputan Man Bai, kuiz di booth pameran yang mengambil bahagian dan cabutan bertuah.

Untuk maklumat lanjut berhubung SSM, orang ramai boleh melayari laman web SSM di

www.ssm.com.my



YB MENTERI, KPDNKK DEKATI GOLONGAN PENIAGA DAN PENJAJA SEKITAR PETALING STREET

KUALA LUMPUR – Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (PDNKK), Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob mengadakan program *walkabout* di sekitar Jalan Petaling yang cukup dikenali dikalangan pelancong sebagai "Bazaar China Town" di sini pada 5 Jun 2012.

Program yang berlangsung selama satu jam setengah bermula 4.30 petang itu, bertujuan untuk beramah mesra dengan golongan penjaja dan peniaga kecil yang berniaga di kawasan berkenaan.

Ini adalah merupakan lokasi pertama Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob turun padang bagi melihat sendiri keadaan di situ dan menyelami masalah yang dihadapi oleh golongan penjaja dan peniaga kecil berkenaan, sejajar dengan pengumuman YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 27 Mei 2012 di Majlis Ramah Mesra Bersama Penjaja dan Peniaga Kecil, yang meletakkan hak ehwal golongan penjaja dan peniaga kecil di bawah bidangkuasa KPDNKK.

Program ini turut disertai Ketua Setiausaha KPDNKK, Dato' Saripuddin Kasim yang juga merupakan Pengurus Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Ketua Pegawai Eksekutif SSM, Mohd Naim Daruwish dan Presiden Persatuan Penjaja Jalan Petaling, Datuk Ang Say Tee serta wakil-wakil daripada Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil lain.

Hasrat Kerajaan dalam membantu golongan penjaja dan peniaga kecil dizahirkan melalui Pakej Insentif Pendaftaran dan Pembaharuan Pendaftaran Perniagaan yang telah berkuat kuasa bermula tempoh 1 Jun 2012 sehingga 31 Disember 2012. Di bawah pakej ini, fee pendaftaran dan pembaharuan tahunan pendaftaran untuk pemilik tunggal dan perkongsian dikenakan bayaran RM 50 untuk tempoh pendaftaran selama 5 tahun secara sekali gus (berbanding dengan





jumlah fee RM 150 atau RM 300 yang dikenakan sekarang).

Bayaran kompaun bagi pendaftaran lewat dan pembaharuan pendaftaran lewat turut dikurangkan sebanyak 50 %.

Pakej insentif ini akan memberi faedah kepada seramai 1.2 juta pemilik perniagaan, peniaga kecil serta penjaja di seluruh negara dan mereka boleh melakukan urusan pendaftaran perniagaan di mana-mana kaunter SSM di seluruh negara.

Seruan kerajaan tersebut terus dilaksanakan oleh KPDNNK dan agensi di bawahnya iaitu Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang bertanggungjawab ke atas urusan pendaftaran perniagaan dengan menganjurkan program *walkabout* sebegini.

SSM turut menyediakan perkhidmatan Kaunter Bergerak Pendaftaran Perniagaan (KBPP) pada hari ini bagi memudahkan golongan penjaja dan peniaga kecil di Jalan Petaling mendaftar perniagaan atau memperbaharui perniagaan mereka.

KPDNNK secara berterusan akan mengatur lebih banyak pertemuan dengan golongan penjaja dan peniaga kecil lain bagi membincangkan isu-isu dan program – program pembangunan bagi golongan berkenaan yang merupakan antara penyumbang utama terhadap kepesatan ekonomi negara. Selaras dengan itu perjumpaan pertama diadakan dengan persatuan-persatuan Penjaja dan peniaga Kecil pada 12 Jun 2012, jam 3.00 petang di Suruhanjaya Syarikat Malaysia(SSM).

PERSIDANGAN SSM PERINGKAT KE - 12

SSM NATIONAL CONFERENCE

Persidangan SSM Peringkat Kebangsaan yang ke-12 telah diadakan di Pusat Persidangan Sime Darby di Kuala Lumpur. Persidangan ini berlangsung pada 12 Jun sehingga 15 Jun 2012. Tema persidangan kali ini adalah “*Managing Corporate Governance . Creating Value. Transforming Economy*”.

Persidangan ini dianjurkan oleh Bahagian Latihan Korporat, di bawah Akademi Latihan SSM. Ketua Pegawai Eksekutif SSM, En. Mohd Naim Bin Daruwish berkata, “hasil pemilihan tajuk /tema persidangan yang teliti, maka, tema ini dipilih kerana ia menggambarkan jalinan rapat antara program pembangunan ekonomi kerajaan yang tegap dengan peranan kepemerintahan korporat (*corporate governance*). Ini kerana SSM melihat Kepemerintahan korporat sebagai salah satu komponen yang terpenting di dalam melaksanakan transformasi ekonomi yang berjaya. Perlaksanaan dan pengurusan Kepemerintahan korporat” yang efektif oleh pemain peranan korporat utama seperti, pengarah, setiausaha syarikat, dan pengurusan akan memastikan perniagaan bertahan sekaligus meghasilkan persekitaran korporat yang kondusif”

YB Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan membaca ucapan dasar yang telah dikemukakan oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Hj Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri yang bertajuk “Managing Corporate Governance amid the National Economic Transformation”. Di dalam ucapan dasar ini, YAB Timbalan Perdana Menteri menjelaskan bahawa betapa pentingnya “Kepemerintahan korporat” di dalam arena perniagaan global dan dalam melaksanakan transformasi ekonomi yang pesat seperti yang dianjurkan oleh pihak kerajaan.

Peranan Kepemerintahan korporat haruslah diberi fokus yang mendalam kerana mampu menjadi asas yang kukuh dalam penghasilan Model Ekonomi Baru dan Program Transformasi Ekonomi Negara. Beliau juga menyarankan supaya pemegang-pemegang amanah (stakeholders) dalam ekonomi Negara agar memandang berat peranan Kepemerintahan korporat di dalam meningkatkan daya saing sesuatu perniagaan. YAB Timbalan Perdana Menteri juga menyeru SSM supaya mengkaji semula falsafah ini dan definisi

2012

TRANSFORMING ECONOMY

CREATING VALUE

MANAGING CORPORATE GOVERNANCE





Kepemerintahan korporat “corporate governance” yang telah dijana oleh “government High Finance Committee on Corporate Governance in 1999”.

“Di dalam abad ke 21, proses dan struktur tidak lagi menjadi komponen –komponen yang tunggang di dalam dalam membentuk kepemerintahan korporat yang hebat. Aspek-aspek lain seperti integriti, nilai-nilai murni, dan sifat kepimpinan yang hebat mesti diserap masuk demi menghasilkan konsep kepemerintahan korporat yang lebih berkesan”

Di dalam persidangan yang ke 12 itu, terdapat 9 sesi utama yang berlangsung, termasuk pembentangan dan perbincangan antara panel berkenaan dengan tajuk-tajuk kontemporari yang berkaitan dengan sector swasta/korporat. Di antara tajuk-tajuk yang dikemukakan dan dibincangkan adalah “kehebatan meneruskan pengajian korporat”, “hubungkait di antara inovasi dan kepemerintahan korporat”, “mengurus persaingan di peringkat global, dan meningkatkan keberkesanan peranan ahli lembaga pengarah menerusi pelbagai aspek yang disarankan oleh Data Protection Act 2010 yang baru sahaja diperkenalkan. Persidangan ke 12 ini juga mengadakan pembentangan daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan dan agensi-agensi terpilih untuk membincangkan tentang strategi-strategi utama dan projek-projek yang harus dilaksanakan demi membantu perlaksanaan Model Ekonomi Baru, Rancangan Malaysia Ke 10, dan Program Transformasi Ekonomi demi menjana ekonomi negara yang utuh dan pesat.

“Pembentang-pembentangan yang tampil di persidangan ini adalah mereka yang mempunyai pengalaman yang mantap serta kepakaran di dalam bidang masing-masing. Mereka didatangkan daripada sektor awam dan swasta . Ini adalah untuk memberikan perspektif yang meluas di dalam pembentangan tajuk-tajuk yang dipilih” jelas Mohd Naim.

Pada persidangan ke 12 tahun ini, SSM telah memperbaharui format, berbeza dengan tahun lepas. Pada tahun ini, setiap peserta persidangan akan diberi masa antara 15 ke 40 minit untuk berinteraksi atau bersoal jawab dengan pembentang dan panel-panel yang hadir. SSM dengan bangganya mengaplikasikan kaedah ini demi memantapkan proses pembelajaran yang efektif kepada peserta. Kaedah pembelajaran ini sejajar dengan saranan persidangan ini, iaitu, “Learn, Interact, Change” - Belajar, Berinteraksi, Berubah.

“Selain daripada ucapan dasar yang disampaikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, suatu ciri lain yang istimewa dalam persidangan ke 12 ini adalah ia melibatkan perbincangan yang mendalam terhadap ucapan dasar tersebut. Penghuraian perbincangan ini disampaikan oleh dua tokoh korporat tersohor daripada dua generasi yang berbeza iaitu, Y.Bhg Tengku Mahaleel Tengku Arif, tokoh korporat yang berkaliber dan amat dihormati, dan tokoh yang sedang menjulang naik di dalam dunia korporat, iaitu, Tengku Dato Zafrul Tengku Abdul Aziz” tambah Mohd Naim.

Intipati persidangan ke 12 ini dijana khas untuk mencapai beberapa objektif seperti berikut;



- Untuk berkongsi tentang pengemaskinian undang-undang, operasi dan perlaksanaan SSM. Ini merangkumi, imbasan usul-usul “*Limited Liability Partnership Act 2011*”, dan konsep-konsep utama di dalam “*Companies Bill 2012*”
- Untuk memahami lebih mendalam kepentingan peranan dan jalinan antara “kepemerintahan korporat/corporate governance” dan strategi utama kerajaan di dalam menubuhkan Model Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia yang ke 10
- Untuk mencapai perspektif yang meluas mengenai corporate governance dan undang-undang berkaitan dengannya
- Untuk menerokai ilmu dan maklumat yang diperlukan oleh pemain utama di dalam sektor ekonomi swasta, dan
- Untuk mencapai hubungkait antara corporate governance dan langkah-langkah menjangkau ekonomi yang berinovasi

Lebih 300 peserta yang menyertai persidangan 2012 ini. Mereka terdiri daripada kalangan, pengarah syarikat, dan ketua pegawai eksekutif (38%), setiausaha syarikat (30%), juru audit, peguam dan pegawai eksekutif. Sebanyak 26 pemain peranan (*role players*) yang bertindak sebagai, pembentang, moderator, dan ahli panel.



TAKLIMAT PENGURUSAN DOKUMEN PENGUATKUASAAN OLEH ARKIB NEGARA MALAYSIA

■ 14 JUN 2012



Taklimat Pengurusan Dokumen Penguatkuasaan telah diadakan di SSM pada 14 Jun 2012 yang melibatkan Bahagian Siasatan, Pematuhan dan Perkhidmatan Perundangan. Taklimat ini diadakan bertujuan untuk menerangkan kepada warga kerja SSM tentang pengurusan sesuatu dokumen terutamanya dokumen bertaraf terperingkat dan kepentingan nya. Taklimat ini disampaikan oleh Puan Morni Haron dari Seksyen Konsultansi dan Latihan, Arkib Negara Malaysia.

Melalui taklimat yang disampaikan, banyak ilmu dan pengetahuan dapat ditimba. Beliau

menerangkan berkenaan betapa pentingnya sesuatu fail itu disimpan mengikut kategori sulit dan tidak sulit serta tidak boleh sewenang-wenangnya melabelkan sesuatu fail dengan sulit kerana fail yang sulit perlu memenuhi kriteria-kriteria yang ditentukan. Tugas Arkib adalah untuk menjaga dokumen-dokumen yang masih diperlukan dan perlu disimpan walaupun dalam jangka masa yang lama, ini kerana Arkib mengelak dari terjadinya masalah berbangkit dan ketiadaan bukti apabila diperlukan untuk dirujuk kembali sehingga fail itu ditutup dan boleh dihapuskan.

TAKLIMAT ISO 9001



ISO 9001 merupakan standard antarabangsa yang menetapkan keperluan dalam Sistem Pengurusan Kualiti. Taklimat berkenaan ISO 9001 ini telah diadakan pada 20 Jun 2012 di Bilik Latihan Kewangan, Tingkat 13. Taklimat ini telah disampaikan oleh Pn. Aine Jamaliah Mohamad Zain dari Sirim-Qas International Sdn. Bhd. iaitu sebuah jabatan yang bertanggungjawab dalam pensijilan ISO. Objektif utama taklimat ini diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran kepada warga kerja SSM berkaitan pengurusan berstruktur yang sentiasa memenuhi keperluan pelanggan dan peraturan serta mencapai proses penambahbaikan secara berterusan.



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

Pembaharuan Pendaftaran Perniagaan Boleh Dilakukan Di Cawangan-cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN)

*tertakluk kepada terma dan syarat



Untuk maklumat lanjut:



03 - 2299 5500



enquiry@ssm.com.my

SSM SOCIAL
MEDIA NETWORK

ssmofficialpage



SSM SOCIAL
MEDIA NETWORK
scan QR CODE here

Peristiwa Bergambar

PROGRAM KEFAHAMAN MYCOID PAHANG, 26 APRIL 2012



MESYUARAT PENJAJA, PM & PAKEJ, 15 MEI 2012



MALAM SSM BERSAMA MEDIA, 6 JUN 2012



PERSIDANGAN KEBANGSAAN SSM, 12 JUN 2012



LAWATAN REGISTRAR KENYA, 27 JUN 2012



SUKAN AGENSI KPDKKK, 24 JUN 2012



TIMUR LESTE, 11 JULAI 2012



MAJLIS BERBUKA PUASA, 1 OGOS 2012



MAJLIS RUMAH TERBUKA AIDILFITRI, 11 SEPTEMBER 2012



TAKLIMAT MYCOID KEPADA SETIAUSAHA SYARIKAT | 08.03.2012

Taklimat MyCOID kepada Setiausaha Syarikat telah diadakan di Pejabat Negeri SSM W. P. Labuan dan seramai 16 wakil Setiausaha Syarikat telah hadir pada taklimat tersebut. Taklimat ini diadakan bertujuan memberi penerangan tentang kesedaran penggunaan MyCOID kepada setiausaha syarikat. Seramai 4 wakil setiausaha syarikat telah mendaftar sebagai pengguna MyCOID. Taklimat ini telah disampaikan oleh En. Lokman Ramli, Ketua Seksyen Produk & Pembangunan Perniagaan Ibu Pejabat SSM dan daripada pihak vendor Puncak Semangat Sdn. Bhd.



SEMINAR & PAMERAN ANJURAN PPDNKK W. P. LABUAN | 23.05.2012

Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan W. P. Labuan telah menganjurkan Seminar dan Pameran Kepenggunaan Penjawat Awam Sempena Sambutan Bulan Pengguna Malaysia 2012. Pihak SSM W. P. Labuan telah dijemput untuk terlibat dalam program tersebut. Seramai 300 hingga 500 orang menghadiri program tersebut terdiri daripada wakil-wakil Jabatan, NGO, serta orang awam. Program tersebut telah dirasmikan oleh Y. B. Kolonel Datuk Hj. Yusof Bin Hj. Mahal, Ahli Parlimen W. P. Labuan.



PROGRAM PEMBERSIHAN TAMAN LAUT W. P. LABUAN | 07.07.2012

Pihak SSM W. P. Labuan telah terlibat dalam Program Pembersihan Taman Laut di Pulau Rusukan Besar & Rusukan Kecil anjuran Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan W. P. Labuan. Seramai 200 orang sukarelawan terdiri daripada jabatan kerajaan dan agensi swasta telah terlibat di dalam program tersebut. Program ini telah dirasmikan oleh Y. B. Dato' Tan Lian Hoe, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan.



Belum habis kopi secawan, syarikat anda selesai didaftarkan!

Pemerbadanan syarikat kini boleh dilakukan secara serentak dengan pelbagai agensi melalui sistem laluan Identiti Korporat Malaysia atau dikenali sebagai MyCoID.



Serentak dan automatik

Orang ramai melalui setiausaha syarikat boleh berbuat demikian dengan hanya mendaftar masuk ke laman portal MyCoID dan mengisi maklumat berkaitan pemerbadanan syarikat untuk disalurkan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME Corp) secara serentak dan automatik.

Mudah dan menjimatkan

Sistem yang dilancarkan sejak tahun 2010 ini secara langsung akan menjimatkan masa dan kos serta memudahkan prosedur untuk memulakan perniagaan di Malaysia. Mana tidaknya, orang ramai tidak perlu lagi

pergi ke setiap agensi untuk membuat pendaftaran, sebaliknya boleh berbuat demikian secara *one touch point* sahaja dengan satu transaksi dan pembayaran.

Cekap dan terkini

Kewujudan sistem ini juga bukan sahaja mendatangkan kebaikan kepada pihak pengguna, malah ia turut memberikan impak besar kepada sistem penyampaian perkhidmatan awam. Ini kerana ia memudahkan interaksi sesama agensi kerajaan dari pelbagai aspek terutamanya pertukaran maklumat, penyaluran input, pengesahan dan pengemaskinian data.

Idea untuk mewujudkan sistem MyCoID adalah salah satu usaha kerajaan untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat pengguna.

LANGKAH-LANGKAH MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN MyCoID

Pengguna mesti mempunyai alamat e-mel, MyKad dan capaian internet.

Pergi ke laman web: www.ssm.com.my dan klik ikon "MyCoID".

Daftar sebagai pengguna MyCoID (klik ikon "Sign Up"):
Setiausaha Syarikat, Syarikat / Firma atau Individu

SETIAUSAHA SYARIKAT
Ikut arahan seperti yang terkandung dalam e-mel yang diterima dari support@ssm-mycoi.com.my. Setiausaha Syarikat dikehendaki ke Pejabat SSM terdekat untuk pengesahan sebagai pelanggan MyCoID. Ikut arahan untuk mengaktifkan ID pengguna dan katakunci.

SYARIKAT / FIRMA / INDIVIDU
Ikut arahan seperti yang terkandung dalam e-mel yang diterima dari support@ssm-mycoi.com.my. Ikut arahan untuk mengaktifkan ID pengguna dan katakunci.

Daftar sebagai pelanggan MyCoID.

Ikut arahan seperti yang ditunjukkan pada skrin perkhidmatan MyCoID yang diperlukan.

Semak status serahan di ruangan "HOME". Keputusan permohonan akan dimaklumkan melalui e-mel.

Untuk maklumat lanjut, layari laman web SSM

www.ssm.com.my

atau hubungi hotline SSM

03-2299 5500



Kementerian Perdagangan Dalam Negeri,
Koperasi & Kepenggunaan



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA



Rakyat Didahulukan
Pencapaian Diutamakan

HARI

Pemerbadanan Syarikat

Bercirikan:

- Interaksi satu-kaunter
- Penyeteman Memorandum & Artikel di SSM
- Pembelian buku-buku statutori, sijil saham dan meterai syarikat boleh dilakukan di kaunter SSM/laman web SSM
- Pewujudan kaunter advisory pemerbadanan untuk membantu proses pemerbadanan

JAM

Pendaftaran Perniagaan



www.twitter.com/ssmofficialpage



www.facebook.com/ssmofficialpage



www.youtube.com/ssmofficialpage



www.flickr.com/ssmofficialpage